SAMPEL PERCUMA

Latihan Kata Adjektif

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

KATA ADJEKTIF

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

1 Kakak _____melihat kelakuan adik yang suka bercakap bohong.

A risau
B gembira
C sedih
D bising

2 Pengemis itu makan dengan _____ kerana terlalu lapar.

A perlahan
B aman
C gelojoh
D comel

3 Beberapa batang pokok manggis di kebun datuk berbuah _____.

A kuat
B kaya
C lebat
D rendang

4 Ibu menyapu daun-daun yang _____ itu.

A gugur
B jatuh
C hancur
D musnah

5 Pemandu kenderaan dikehendaki berhati-hati ketika melalui jalan lereng bukit yang _____ itu.

A dalam
B curam
C pendek
D rendah

6 Sarah terlalu _____ apabila mendapat kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.

A malu
B bising
C gembira
D kecewa

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7 Buku-buku di atas meja itu _____kerana tidak kemas.

A berguguran
B bertaburan
C berselerak
D berlonggok

8 Kuda adalah antara haiwan yang_____ berlari.

A cepat
B hebat
C hampir
D pantas

9 Warna _____ pada bendera Malaysia membawa maksud perpaduan antara rakyat yang berbilang kaum.

A biru
B merah
C putih
D kuning

10 Penyanyi yang diminati ramai itu mempunyai suara yang sangat _____.

A kasar
B jelas
C kabur
D merdu

11 Ruang tamu rumah kami menjadi lebih _____ setelah ayah membeli perabot baharu.

A segar
B ceria
C segak
D meriah

12 Daging kambing yang belum dicuci itu berbau_____.

A busuk
B hapak
C hamis
D tengik

13 Puan Kamariah berasa _____ kerana anaknya masih belum pulang sedangkan hari sudah malam.

A risau
B rimas
C bingung
D kecewa

14 Zaidi terpaksa menghentikan lariannya pada jarak 150 meter kerana kakinya _____.

A kaku
B kejang
C kebas
D keras

15 Suasana rumah Mak Siah yang _____itu menyebabkan kami berasa seram.

A pudar
B muram
C kusam
D suram

16 Hubungan antara Lisa dan Venessa menjadi _____ selepas pergaduhan itu.

A beku
B sejuk
C sunyi
D dingin

17 Proses melarik perabot-perabot kayu itu dibuat dengan _____oleh pekerja-pekerja yang mahir.

A teliti
B tepat
C hemat
D saksama

18 Hujah-hujah yang disampaikan oleh pemidato pertama itu sungguh_____ dan tepat.

A sarat
B terguh
C mampat
D bernas

19 Pelancong dari negara Jepun itu _____ berbahasa Melayu walaupun baru sebulan di negara kita.

A laju
B pelat
C fasih
D pandai

20 Tayar kereta Arun _____ tercucuk paku.

A tiris
B pecah
C kemik
D kempis

21 Encik Latif mendirikan sebuah banglo di atas tanah pusaka keluarganya yang _____itu.

A luas
B landai
C besar
D lapang

22 Gelanggang takraw yang terletak di hujung Taman Manis itu sentiasa _____.

A rapat
B bersih
C dekat
D cermat

Soalan 23 berdasarkan gambar di bawah.



23 Suzana gemar memakai baju kurung yang _____.

A panjang
B singkat
C labuh
D besar

24 Hujan _____ yang turun menyebabkan banjir kilat berlaku di Kampung Raja.

A lebat
B deras
C lambat
D perlahan

25 Semua orang di dalam surau itu mendengar ceramah agama dengan _____.

A khusyuk
B tawaduk
C ghairah
D leka

26 Haji Deraman mengeluarkan padi yang_____itu dari dalam kepuk untuk diberi kepada ayam-ayamnya.

A tua
B uzur
C tegak
D usang

27 Amelia_____ akan kecantikan rakannya yang digilai ramai lelaki.

A benci
B marah
C dendam
D cemburu

28 Walaupun harganya mahal, barang itu bermutu_____.

A luas
B besar
C tinggi
D cantik

29 Pak Ali termenung di jendela sambil mengimbau kenangan _____.

A esok
B dulu
C kini
D silam

30 Sikapnya yang suka menunjuk-nunjuk itu membuatkan dia di _____ oleh rakan-rakannya.

A hina
B malu
C benci
D dengki

31 Gunung Kinabalu ialah gunung yang_____ sekali di Malaysia.

A tinggi
B pendek
C rendah
D panjang

32 "Wah, _____ sungguh Menara Berkembar Petronas ini !" kata Zhi Yang.

A rendah
B pendek
C tinggi
D rendang

33 Saleh membaca buku sambil berehat di bawah pohon yang _____ itu.

A redup
B renek
C rendang
D pendek

34 Pakaian yang disidai itu masih _____.

A lembab
B panas
C sedap
D pedas

35 Ayah memakai baju yang berwarna- _____.

A kelabu
B kering
C kasar
D warni

36 Bayi kembar Puan Puvaneswari itu sungguh_____.

A tampan
B hodoh
C comel
D kacak

37 Telur itik berbentuk _____.

A bulat
B segi tiga
C panjang
D bujur

38 Banglo yang baru dibeli oleh ayah_____ dengan sekolah saya.

A jarang
B dekat
C jarak
D besar

39 Encik Rashid seorang peguam yang _____.

A tegas
B lemah
C kasar
D tampan

40 Ghayatiri_____ menghadapi setiap masalah yang menimpa keluarganya.

A tenang
B gelojoh
C sedih
D aman

41 Saya suka tinggal di kawasan desa kerana suasananya_____.

A bising
B keruh
C tenang
D cantik

42 Bubur nasi itu berbau_____ kerana terlalu lama dimasak.

A hangit
B wangi
C busuk
D tengik

43 Biskut yang dibakar oleh ibu sangat_____.

A buruk
B kasar
C sedap
D lembik

44 Yusri belajar dengan_____agar tidak menghampakan harapan kedua-dua ibu bapanya.

A kuat
B lemah
C tekun
D malas

45 Ibu memotong buah itu dengan pisau yang_____.

A buruk
B karat
C tumpul
D tajam

46 Lauk ayam itu sudah_____ kerana ibu lupa untuk memanaskannya malam tadi.

A masam
B busuk
C basi
D hanyir

47 Udara di atas bukit ini _____ sekali.

A sejuk
B panas
C nyaman
D tenang

48 Sayur-sayuran di kebun Encik Ravi itu hidup _____ kerana dibaja dan dijaga dengan baik.

A subur
B layu
C kuat
D gemuk

49 Walaupun datuk sudah tua, beliau masih lagi _____ untuk berkebun.

A lemah
B cerah
C kuat
D sakit

50 Si Comel berbau _____ selepas dimandikan oleh kakak.

A hanyir
B hancing
C harum
D hapak

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 2

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar